# PELAN ANTIRASUAH

MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

2021 - 2025

# PELAN ANTIRASUAH

MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

2021 - 2025

# AMANAT KEPIMPINAN



**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD**

**DATUK BANDAR**
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulilah bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) berjaya membangunkan Pelan Antirasuah Majlis Bandaraya Seberang Perai 2021-2025.

Sekalung tahniah diucapkan kepada semua pihak yang terlibat di dalam membangunkan pelan ini. Inilah hasrat kita bersama dalam memastikan Majlis Bandaraya Seberang Perai sentiasa menunjukkan komitmen yang tinggi dalam memerangi rasuah. Pelan ini disediakan melalui satu proses yang mengambil kira aspirasi dan harapan warga Seberang Perai dalam perjalanan memerangi rasuah. Ianya bersandarkan bukti-bukti empirikal daripada hasil analisis kajian dan data tangkapan serta laporan audit yang terkini.

Pelaksanaan Pelan Antirasuah Majlis Bandaraya Seberang Perai bagi tempoh lima tahun akan datang ini adalah amat signifikan dalam mencerminkan wadah Pengurusan Tertinggi MBSP dalam membentuk sebuah Kerajaan Tempatan yang bebas rasuah dengan warganya membudayakan ketelusan, akauntabiliti dan integriti. Kewujudan pelan ini juga berperanan sebagai kawalan yang efektif kepada agenda integriti untuk memperkukuhkan identiti MBSP selaku Kerajaan Tempatan mentadbir urus Seberang Perai dan menjadi peneraju utama dalam agenda pembangunan secara kolektif.

MBSP komited dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif yang terkandung dan menjadi aspirasi agar perjalanan memerangi rasuah tidak akan terhenti. Isu pelanggaran tatakelakuan turut diambil kira sebagai *red flag* atau asas kepada pra-kenalpasti masalah rasuah dan perlanggaran integriti dalam organisasi dan diaplikasikan dalam strategi pelaksanaan pelan. Saya menyeru dan mengharapkan semua warga MBSP akan memberikan sepenuh komitmen dalam memastikan pelaksanaan setiap inisiatif yang telah dirancang dalam Pelan Antirasuah Majlis Bandaraya Seberang Perai 2021-2025.

Sekian.

# PERUTUSAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya jua, berjaya membangunkan Pelan Antirasuah MBSP 2021-2025 yang komprehensif khusus untuk Majlis Bandaraya Seberang Perai.

Integriti bukan hanya diukur dengan salah guna kuasa, rasuah, pecah amanah atau penyelewengan, malah ia juga diukur sejujur mana kita patuh kepada peraturan sama ada sewaktu kerja atau di luar waktu kerja. Saya percaya semua warga MBSP telah memahami, menghayati dan mengamalkan nilai integriti ini.

Justeru, saya berharap agar kita semua dapat mengukuhkan lagi nilai integriti dalam diri masing-masing supaya menjadi insan yang berakhlak mulia dan diberkati Allah SWT.

Bagi menjadikan kita penjawat awam yang berinovasi, berkualiti dan berintegriti, saya menyeru agar semua warga MBSP terus melengkapkan diri dengan kemahiran *(skills)*, ilmu pengetahuan *(knowledge)* dan sifat-sifat peribadi *(attitude)* yang tinggi.

Besar harapan MBSP untuk melihat Pelan Antirasuah MBSP ini berjaya dilaksanakan dan menjadi panduan kearah melaksanakan agenda integriti dalam organisasi secara holistik.

Sekian.



**PUAN Ir HJH ROSNANI BINTI HJ MAHMOD**

**SETIAUSAHA BANDARAYA**
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

# PERNYATAAN KOMITMEN



Pelan Antirasuah MBSP 2021-2025 telah menetapkan empat (4) strategi utama untuk dilaksanakan. Strategi tersebut adalah:

1) Memperkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam
2) Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan perolehan awam
3) Menginstitusikan kredibiliti penguatkuasaan undang-undang
4) Memupuk tadbir urus baik dalam MBSP

Kerangka pelan ini adalah hasil daripada perbincangan yang dijalankan di peringkat MBSP melibatkan pelbagai jabatan untuk membangunkan pelan yang lengkap meliputi semua aspek yang berkait rapat dengan MBSP. Kerjasama semua pihak yang terlibat bersama pemegang taruh dalam membudayakan integriti merupakan gambaran komitmen yang tinggi demi menjayakan aspirasi MBSP. Pelan ini juga diharapkan mampu mengatasi kelemahan integriti dan tadbir urus dalam MBSP.

Kita tidak boleh kompromi dalam membasmi rasuah. Ini menjadi kewajiban setiap dari kita yang berada di dalam kerajaan dan perkhidmatan awam dan inilah jua kehendak rakyat. Rakyat menginginkan sebuah kerajaan yang amanah, bersih dan berintegriti.

Maka, Pengurusan Tertinggi MBSP berjanji dan komited dalam membudayakan amalan integriti dalam penyampaian perkhidmatan di MBSP melalui pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuatkuasa serta pengamalan nilai-nilai baik.

Semoga dengan inisiatif ini hasrat untuk menjadikan Majlis Bandaraya Seberang Perai Bebas Rasuah menjadi realiti.

# ISI KANDUNGAN


BAB 1

PENGENALAN ........ 05
LATAR BELAKANG ........ 06
DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS ........ 07
ISU DAN CABARAN ........ 08
PENILAIAN RISIKO ........ 09

BAB 2

SENARIO ANTIRASUAH MASA HADAPAN ........ 11
SENARIO ANTIRASUAH 2030 ........ 17
STRATEGI KEUTAMAAN ........ 22

BAB 3

MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH ........ 23
KERANGKA PELAN ANTIRASUAH MBSP 2021-2025 ........ 24
ANALISIS DATA ........ 25
INISIATIF KEUTAMAAN ........ 27
STRATEGI 1-4 ........ 29

BAB 4

TADBIR URUS ........ 44
PRINSIP PENGURUSAN ANTIRASUAH MBSP ........ 45
MEKANISME PELAKSANAAN ........ 47
MEKANISME PENYELARASAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN ........ 48
KESIMPULAN ........ 49

# PENGENALAN

BAB 1

Bab ini menerangkan maklumat berkaitan latar belakang MBSP dan pelaksanaan inisiatif dalam usaha MBSP untuk memerangi rasuah dan memupuk budaya integriti di kalangan warga kerja MBSP. Pelbagai inisiatif khusus melibatkan dasar integriti dan tadbir urus MBSP telah dilaksanakan sebagai bukti komitmen pihak Pengurusan Tertinggi MBSP. Pelan Antirasuah MBSP telah menjadi satu inisiatif MBSP bagi meneruskan usaha kearah membentuk warga MBSP yang berintegriti.



# LATAR BELAKANG MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

**Tahun 1800**

Pentadbiran Seberang Perai berpusat di Pulau Pinang. Dengan keluasan 489.3 kilometer persegi dan bilangan penduduk seramai lebih kurang lima ribu orang.

**Tahun 1850**

Penerokaan bermula, Seberang Perai bertukar wajah dari kawasan hutan dan belukar kepada sebuah kawasan pertanian.

**Tahun 1913**

Ordinan baru dikeluarkan, Kerajaan Negeri kemudiannya menubuhkan Lembaga Luar Bandar. Majlis Bandaran Butterworth dan Bukit Mertajam serta Majlis Luar Bandar Utara, Tengah dan Selatan telah ditubuhkan.

**30 Jun 1974**

Akta Kerajaan Tempatan (Peruntukan-Peruntukan Sementara) 1973 telah dikuatkuasakan di seluruh negeri Pulau Pinang. Pada 1 Julai 1974, ketiga-tiga Majlis Daerah Utara, Majlis Daerah Tengah dan Majlis Daerah Selatan, Seberang Perai disatukan dan dikenali sebagai Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Seberang Perai.

**15 Dis 1976**

Akta Kerajaan Tempatan 1976 berkuatkuasa, Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Seberang Perai dikenali sebagai Majlis Perbandaran Seberang Perai dan mendapat taraf Majlis Perbandaran.

**Tahun 2019**

Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah menerima pengurniaan taraf bandar raya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XVI Al-Sultan Abdullah Ri'Ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.

Pada 16 September 2019, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) secara rasminya diisytiharkan sebagai Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

# DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS

Dalam menuju ke arah status negara maju dan berpendapatan tinggi, agenda pembanterasan rasuah telah menjadi keutamaan negara. Untuk itu, beberapa inisiatif utama di peringkat nasional telah dibangunkan bermula dengan Pelan Integriti Nasional (PIN) yang dilancarkan pada bulan April 2004.

Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) yang pertama yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri pada 8 Jun 2018.

Pelan ini bertujuan untuk menetapkan sasaran yang praktikal berdasarkan inisiatif yang akan diambil dalam menangani masalah rasuah, integriti dan tadbir urus dalam MBSP bagi tempoh lima tahun akan datang.

Bagi mencapai hasrat tersebut, segala bentuk usaha pencegahan rasuah sedia ada sama ada melalui Pelan Integriti Nasional (PIN) Pelan Transformasi Kerajaan (GTP), Pelan Transformasi Kerajaan 2.0 (GTP 2.0), Pelan Integriti Organisasi (PIO) dan sebagainya akan diambil kira, ditambah baik, dikaji dan diolah semula berdasarkan kerangka NACP yang lebih komprehensif dan lebih praktikal.

MBSP sentiasa menyokong usaha kerajaan dalam membanteras rasuah dan jabatan turut sama terlibat bagi menjayakan Pelan Antirasuah MBSP ini.

**PELAN INTEGRITI NASIONAL 2004 (PIN)**

**PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN (GTP)**

**PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN 2.0 (GTP 2.0)**

**PELAN INTEGRITI ORGANISASI (PIO)**

**PELAN ANTIRASUAH NASIONAL (NACP) 2019**



# ISU DAN CABARAN MENANGANI RASUAH

Isu rasuah wujud dalam pelbagai sektor dan bidang, tanpa mengira status dan kedudukan individu yang memberi atau menerima rasuah. Tekanan ekonomi dan sosial membuka ruang dan peluang kepada berlakunya rasuah dan pelanggaran etika dalam pengurusan awam. Secara amnya, isu rasuah boleh dibahagi kepada tiga (3) bidang:

## TADBIR URUS

- Peruntukan undang-undang (Akta) yang lapuk/ tidak lagi sesuai yang menjurus kepada kelemahan penguatkuasaan
- Kelemahan pengurusan maklumat dan proses kerja yang tidak teratur

## KOMPETENSI

- Kelemahan dalam membuat keputusan berasaskan maklumat yang tepat dan betul
- Kelewatan atau kelemahan dalam melaksanakan tugas dan tindakan yang ditetapkan menyebabkan penyampaian perkhidmatan tidak cekap
- Penguatkuasaan yang lemah

## INTEGRITI

- Penyalahgunaan kuasa dalam menjalankan tugas
- kebocoran maklumat terperingkat
- Wujud ruang dan peluang untuk rasuah dan pelanggaran integriti semasa pelaksanaan tugas
- Campur tangan pihak yang berkepentingan dalam proses membuat keputusan

# PENILAIAN RISIKO

MBSP telah melaksanakan Penilaian Risiko Rasuah/ *Corruption Risk Analysis* (CRA) bagi mengenalpasti risiko-risiko berkaitan governans, integriti dan antirasuah di MBSP yang mungkin menjejaskan operasi dan imej MBSP. Antara mekanisme yang digunakan bagi pelaksanaan penilaian risiko adalah:

1. Data-data daripada agensi luar seperti Laporan Ketua Audit Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Biro Pengaduan Awam (BPA), Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP)

2. Data-data dalaman organisasi seperti aduan, kes-kes tatatertib, laporan audit dalam, kajian kepuasan pelanggan dan Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN)

3. Menganalisis data risiko rasuah semasa bengkel Pengurusan Risiko Rasuah (CRM)

4. Mengenalpasti risiko-risiko governans, integriti dan antirasuah semasa bengkel Pembangunan Pelan Antirasuah MBSP



# BIDANG-BIDANG BERISIKO

Berdasarkan penilaian risiko yang telah dijalankan, empat (4) bidang utama yang terdedah kepada risiko governans, integriti dan antirasuah di MBSP yang telah dikenalpasti:

1. Pentadbiran Sektor Awam
2. Perolehan Awam
3. Penguatkuasaan Undang-Undang
4. Tadbir Urus



# SENARIO MASA HADAPAN

BAB 2

Senario masa hadapan adalah gambaran kepada senario rasuah yang mungkin berlaku pada masa hadapan. Justeru, dalam membayangkan beberapa senario antirasuah pada tahun 2030, segala bentuk kemungkinan rasuah telah dikenalpasti dan perancangan serta penyelesaian yang praktikal telah disediakan. Sebanyak empat (4) strategi utama telah digariskan dalam Pelan Antirasuah MBSP



# MENGHUBUNGKAN HARI INI DENGAN MASA HADAPAN

MBSP sedar akan kesan apabila berlakunya interversi dalam penggubalan dasar kerajaan. Perubahan semasa dari konteks sosial dan impaknya dalam nilai semula pendekatan dasar perlu diambil kira demi memastikan inisiatif hari ini masih relevan serta kompetetif pada masa hadapan.

Berikut merupakan beberapa trend global semasa yang dikenalpasti bakal memberi kesan besar kepada urus tadbir dan usaha membanteras rasuah:



# TREND DAN IMPAK KEPADA USAHA ANTIRASUAH

## PENDIGITALAN *(DIGITALISATION)*

Pendigitalan secara meluas dalam pemodenan penyampaian perkhidmatan awam telah mengurangkan interaksi bersemuka antara orang awam dan penjawat awam. Penggunaan kad pengenalan elektronik beserta ciri keselamatan biometrik, dan pengagihan khidmat sosial adalah antara contoh bagaimana teknologi menjadikan sistem mempunyai kebolehcapaian, telus dan dipertanggungjawabkan. Pendigitalan ini membolehkan transaksi yang lebih selamat, koordinasi yang lebih baik, hebahan tentang inisiatif antirasuah menjadi lebih berkesan, serta perkongsian maklumat lebih meluas.

## PENYAHPUSATAN *(DECENTRALISATION)*

Kemajuan teknologi turut dapat merapatkan lagi hubungan usahasama antara Kerajaan dan orang awam. Kewujudan proses kebersamaan *(co-creation processes)* membolehkan Kerajaan selaku penggubal dasar bersama-sama dengan orang awam membentuk prototaip seterusnya memastikan sesuatu dasar dan inisiatif dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Selain itu, penyahpusatan mengurangkan kuasa hegemoni lantaran kuasa teragih kepada rangkaian dan gabungan kecil dalam dunia multipolar

## AUTONOMI DAN SALINGHUBUNGAN-HIPER *(AUTONOMOUS AND HYPER-CONNECTED)*

Automasi sesuatu proses dapat menjimatkan kos. Contohnya, penggunaan kecerdasan buatan *(artificial intelligence-AI)* dalam sesebuah aplikasi atas talian dapat meghubungkan terus antara pengeluar dengan pengguna. Kesannya adalah kurangnya keperluan kepada penglibatan manusia dalam proses membuat dasar. Justeru, dalam konteks tadbir urus masa hadapan, kesan daripada salinghubungan-hiper ini bakal menyebabkan pemencilan antara jabatan atau kementerian tidak lagi wujud. Tuntasnya, walaupun negara *(state)* kekal sebagai entiti dominan baik di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa, pendekatan dan penggubalan sesebuah dasar akan berubah kesan daripada jaringan hubungan yang semakin meluas.

## SEMPADAN YANG KABUR
## *(BLURRING OF BOUNDARIES)*

Dalam menangani desakan dan usaha mengurangkan perbelanjaan awam, kerjasama perkongsian sektor awam-swasta *(public-private partnerships - PPPs)* yang berterusan lama kelamaan akan memberi kesan kepada sektor awam. Kerjasama perkongsian ini awalnya dilihat sebagai cara untuk penjimatan kos pembangunan infrastruktur. Namun, dengan kewujudan dan penglibatan sektor ketiga (keusahawanan) dalam kerjasama ini, Kerajaan perlu lebih terbuka dan tangkas merencana tadbir urus jenteranya ke arah pentadbiran yang lebih telus dan bertanggungjawab.

## KOLABORATIF
## *(COLLABORATIVE)*

*Platform* media sosial haruslah dimanfaatkan penggunaannya untuk menggalakkan interaksi antara Kerajaaan dan orang awam dan menggalakkan lebih banyak usahasama. Pengguna media sosial, sama ada pihak Kerajaan mahupun orang awam dapat berkomunikasi dan berkolaborasi secara efektif dalam pelbagai inisiatif. Kesannya, suara orang awam dapat didengari dan diambilkira dalam perancangan pembangunan nasional.

## PENYESUAIAN MENGIKUT KEPERLUAN
## *(CUSTOMISATION)*

Penyesuaian mengikut keperluan dapat direalisasikan dengan penggunaan Analitis Data Raya *(Big Data Analytics)*. Antara kesannya ialah kaedah transaksi dan perolehan yang lebih tepat, keperluan sosial dapat segera dipenuhi, dan penerimaan maklumbalas yang lebih pantas hasil daripada pemprofilan lengkap pemegang taruh dalam sektor tertentu. Seterusnya, strategi dan intervensi yang lebih spesifik dan berkesan dapat dirangka untuk membanteras rasuah.

# TEKNOLOGI DALAM INISIATIF ANTIRASUAH

Kecanggihan teknologi membolehkan pelbagai masalah sosial ditangani, termasuklah rasuah. Pada hari ini, pelbagai usaha dan kajian dijalankan oleh banyak pihak, kerajaan mahupun orang ramai, untuk mencari mekanisme terbaik membanteras rasuah dengan memanfaatkan keupayaan teknologi terkini. Hal ini termasuklah dalam bidang pengesanan, pencegahan dan analisis. Antara kemajuan teknologi yang dapat membantu usaha pembanterasan rasuah adalah seperti berikut:

**CEGAH RINTANG RASUAH**

Pengaduan melalui sumber khalayak, proses dan mekanisme yang telus serta perkongsian maklumat mampu merencatkan amalan rasuah

**PROSES AUTOMASI**

Proses automasi perolehan dan pembayaran dapat melancarkan transaksi dan memastikan ketelusan sekaligus mengurangkan risiko rasuah

**MERAIH KEPERCAYAAN KEPADA INSTITUSI**

Organisasi yang menerapkan penggunaan teknologi terkini dan memastikan jejak audit yang selamat akan lebih dipercayai dan diyakini oleh pelanggan/ pengguna

**PROSES AUTOMASI**

Teknologi bukan sahaja memudahkan capaian maklumat, malah menggalakkan ketelusan dan keterbukaan yang menyumbang kepada lapangan persaingan yang adil dan saksama kepada Kerajaan mahupun pasaran

**PENDIGITALAN PERKHIDMATAN**

Pendigitalan perkhidmatan awam juga dapat mengurangkan karenah birokrasi dan risiko rasuah serta menjimatkan kos

Meskipun begitu, kemajuan teknologi tidak terlepas daripada risiko penyalahgunaan. Ia boleh mengundang kepada rasuah dengan cara baharu sebagaimana yang dijelaskan dalam Bab 1. Contohnya, akses kepada maklumat akan membuka ruang kepada penggodaman data sulit dan peribadi dengan cara yang lebih *sofistikated*. Akibat daripada kecanggihan teknologi ini, perlakuan rasuah menjadi semakin kompleks dan rumit. Justeru, adalah penting untuk mengambilkira pelbagai langkah untuk menangani pelbagai bentuk perlakuan rasuah yang mungkin berlaku sama ada atas talian mahupun luar talian dalam penyediaan strategi dan inisiatif antirasuah.

### Data Raya *(Big Data)*

Data raya boleh diformulasi secara khusus untuk mengesan potensi berlakunya sogokan dan amalan rasuah. Penggunaan analitika data raya mampu mengenalpasti jika berlakunya kegiatan rasuah dalam sesebuah organisasi. Fungsi teknologi ini dapat dioptimumkan lagi dalam membanteras penipuan dan mencegah rasuah dengan penggunaan pemprosesan statistik *(statistical processing)* dan analitis ramalan *(predictive analytics)*. Gabungan kaedah perlombongan data serta visualisasi data dijangka dapat digunapakai untuk kegiatan pemantauan jika ada berlakunya ketidakjujuran atau rasuah. Keupayaan teknologi data raya serta platform analitis dapat dikembangkan lagi kepada keupayaan analitis ramalan yang bertujuan menggagalkan cubaan sebelum rasuah itu berlaku lagi. Analitis ramalan ini merujuk kepada keadaan di mana data yang berstruktur diteliti dan dianalisis satu persatu sebelum pola lazim dapat diplotkan. Sebarang aktiviti yang mengganggu pola lazim inilah yang akan menjadi petunjuk seterusnya amaran kepada pihak berkuasa tentang kegiatan mencurigakan yang akan/sedang berlaku.

### Kecerdasan Buatan *(Artificial Intelligence – AI)*

Kecerdasan Buatan *(Artificial Intelligence-AI)* membuka peluang kepada pemantauan dan penilaian ke atas aktiviti penipuan dan rasuah yang rumit seperti sistem perbankan dan perindustrian. *AI* berupaya menganalisis sifat dan perilaku transaksi secara berterusan dan meneliti sebarang aktiviti yang mencurigakan berpandukan kepada rujukan latar belakang data. Perbezaan utama antara *AI* dan analitis ramalan adalah *AI* merupakan *platform* yang lebih berdaya tahan dengan ciri tambahan yang baharu. Analisis tingkah laku dan pengecaman wajah merupakan dua lapangan baharu yang menjadikan *AI* sebagai teknologi asas dalam usaha pencegahan rasuah. Pengecaman wajah sesuai digunakan secara meluas untuk memperketat keselamatan transaksi di mana hanya individu tertentu sahaja diberi autoriti untuk mengakses sesuatu maklumat. Seterusnya, pada tahap yang lebih tinggi, analisis tingkahlaku dijangka mampu mentafsir kewujudan aktiviti mencurigakan yang meramalkan keberangkalian berlakunya perbuatan rasuah. Penggunaan teknologi ini pasti mampu mencegah amalan rasuah di peringkat

### Rantaian Blok & Teknologi Lejar Teragih *(Blockchain & Distributed Ledger Technologies (DTL)*

Rantaian Blok berpotensi digunapakai sebagai alat untuk membanteras rasuah dan penipuan apabila ianya diterimapakai secara global. Teknologi ini menitikberatkan kesepakatan pelbagai mekanisma yang terangkai bersama, di mana setiap pihak dalam rantaian tersebut secara konsensus mengesahkan sesuatu transaksi. Ini bermakna rekod lejar setiap aktiviti dalam keseluruhan rantaian transaksi tersebut tidak boleh diubah atau ditiru. Rantaian Blok juga sesuai sebagai mekanisme perakaunan yang akan merekod jejak fizikal dan digital sesuatu transaksi seperti aktiviti sepanjang rantaian bekalan *(supply chain)*, pemindahan data *(data transfer)*, aktiviti kewangan dan lain-lain lagi. Penggunaan Rantaian Blok dalam Kerajaan kini semakin mendapat perhatian, terutamanya di Asia. Antara potensi aplikasi teknologi ini adalah dalam pilihan raya, pendigitalan sistem pengenalan diri serta sistem percukaian.

# SENARIO ANTIRASUAH 2030

Pelan Antirasuah MBSP telah meletakkan empat (4) senario utama bagi meramalkan keadaan yang mungkin berlaku di masa hadapan dalam kaitan risiko rasuah dengan tindakan- tindakan yang dilaksanakan oleh sesebuah jabatan.

Senario berikut mewakili masa depan-masa depan yang berkemungkinan berlaku pasca pelancaran Pelan Antirasuah MBSP.

S1

## SENARIO KESINAMBUNGAN *(CONTINUATION)*

Masa hadapan yang mempamerkan kejayaan yang dikecapi melalui kewujudan Pelan Antirasuah, tetapi tidak berupaya untuk bertahan atau tidak mapan

S2

## SENARIO KEKANGAN *(LIMITS AND DISCIPLINED)*

Masa hadapan yang merujuk kepada Visi yang digariskan dalam pelan antirasuah tidak dapat dicapai ekoran kekangan dalaman dan persekitaran

S3

## SENARIO PERKEMBANGAN *(GROWTH)*

Masa hadapan di mana hasil kewujudan Pelan Antirasuah telah menyebabkan anjakan menuju fasa sebuah negara yang beretika dengan mendokong integriti yang tinggi dan berteraskan nilai

S4

## SENARIO MERUDUM *(DECLINE AND COLLAPSE)*

Rasuah menjadi kelaziman dalam masyarakat sekaligus memperlihatkan sistem sosial runtuh sama sekali tanpa sebarang jalan penyelesaian

# MATRIK SENARIO: SENARIO ANTIRASUAH 2030

# S1

## SENARIO KESINAMBUNGAN *(CONTINUATION)*

### PENTADBIRAN SEKTOR AWAM

Tadbir urus yang lebih efektif dengan bantuan teknologi maklumat. MBSP lebih responsif dan mutu perkhidmatan meningkat. Rasuah masih wujud disebabkan konflik kepentingan. Isu rasuah masih dianggap sebagai isu teknikal berbanding isu insan. Kegagalan untuk mengguna pakai teknologi maklumat serta manipulasi sistem berupaya menjejaskan kejayaan pencapaian sektor awam.

### PEROLEHAN AWAM

Penglibatan manusia dapat dikurangkan melalui implementasi penggunaan sistem dan teknologi baru dalam proses perolehan. Tahap kemahiran serta ketelusan pegawai akan dapat dipertingkatkan serta tahap birokrasi akan dapat dikurangkan atau dihapuskan. Walaubagaimanapun, ketelusan boleh dipertikaikan dalam bidang tertentu. Masih terdapat tender boleh dirundingkan walaupun amalan tender terbuka dikuatkuasa. Peranan orang tengah, pengaruh luar dan arahan-arahan daripada pihak tertentu masih dijangka berlaku.

### PENGUATKUASAAN UNDANG- UNDANG

Penguatkuasaan undang-undang berlaku secara terpilih dan hukuman mahkamah tidak konsisten. Penyelewengan masih tidak dapat dibendung. Undang-undang telah dipinda secara komprehensif sesuai dengan keperluan semasa. Namun, pendakwaan tidak dapat dilaksanakan secara adil dan saksama kerana kekangan sumber dan kepakaran.

### TADBIR URUS

Sistem tadbir urus masih menumpukan kepada aspek keuntungan, Keutamaan kepada output dan keberhasilan. Namun, begitu kurang memberi penekanan elemen-elemen integriti dalam proses pelaksanaan  dasar dan polisi MBSP.



S2

## SENARIO KEKANGAN *(LIMITS AND DISCIPLINED)*

### PENTADBIRAN SEKTOR AWAM

Tadbir urus yang baik berlaku tetapi terlalu bergantung kepada satu pihak yang menerajui dan bukannya kerjasama secara holistik telah menyebabkan rasuah masih berlaku dan berterusan dalam jangka masa panjang.

### PEROLEHAN AWAM

Pembangunan dan penggunaan teknologi tidak dapat membanteras rasuah secara efektif dalam perolehan awam. Penggunaan teknologi masih gagal mengekang salah laku integriti kerana teknologi tidak menjamin ketelusan dalam pemantauan dan pencegahan amalan rasuah.

### PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

Teknologi / modus operandi baru yang muncul telah menyebabkan kejadian jenayah semakin berleluasa dengan bentuk rasuah yang baharu yang turut melibatkan alam siber. Penguatkuasaan menjadi semakin sukar kerana penjenayah berada selangkah di hadapan berbanding penguatkuasaan. Ketidak patuhan kepada peraturan masih berlaku kerana kurang tindakan punitif dan kawalan ke atas pelaku yang terlibat dalam salah laku integriti.

### TADBIR URUS

Sistem tadbir urus MBSP tidak mengalami sebarang perubahan pencapaian misi, aspirasi dan perancangan disebabkan kekangan dan kurang komitment dan kesungguhan individu atau warga MBSP dan pemegang taruh yang berkepentingan tidak meletakkan aspek integriti sebagai keutamaan dalam pelaksanaan tadbir urus.



# S3

## SENARIO PERKEMBANGAN *(GROWTH)*

### PENTADBIRAN SEKTOR AWAM

Sistem tadbir urus awam melibatkan penyertaan aktif pakar rujuk MBSP, masyarakat, komuniti. Penggunaan teknologi digital secara menyeluruh dapat meningkatkan kecekapan dan kualiti penyampaian perkhidmatan serta pengamalan ketelusan dalam membuat keputusan.

### PEROLEHAN AWAM

Kerangka tadbir urus yang kukuh dan padu bagi menjamin proses semak dan imbang

### PENGUATKUASAAN UNDANG- UNDANG

Perkembangan undang-undang selari dengan dasar dan polisi baru. Keberkesanan sistem perundangan dapat dipertingkatkan selaras dengan perkembangan teknologi dan peredaran masa serta budaya integriti yang telah menjadi amalan warga kerja. Pelan Antirasuah MBSP mendapat sokongan sepenuhnya dari peringkat tertinggi hingga warga MBSP dan Pemegang taruh.

### TADBIR URUS

Persekitaran penyampaian sistem perkhidmatan dan perniagaan yang menjunjung kepada pematuhan undang-undang dan peraturan. Hal ini, mewujudkan persekitaran perniagaan yang adil, saksama dan telus seterusnya menarik pelaburan tempatan dan asing.



# S4

## SENARIO MERUNDUM *(DECLINE AND COLLAPSE)*

### PENTADBIRAN SEKTOR AWAM

Amalan tadbir urus menjadi ekslusif. Karenah birokrasi dan campur tangan dengan politik menjadi sebati dalam penyampaian perkhidmatan awam. Isu rasuah menjadi perkara remeh dan tidak sensitif. Ketiadaan contoh yang baik sebagai *role model* mengakibatkan berlakunya ketidakpatuhan,ketiadaan kawalan dalaman serta kegagalan prosedur pentadbiran

### PEROLEHAN AWAM

Penyalahgunaan kuasa oleh pegawai yang bertanggungjawab menjadi semakin berleluasa dan tidak terkawal. Saluran pengaduan menjadi tidak lagi berkesan dan capaian kepada perundingan awam tidak lagi wujud. *Platform* teknologi di manipulasi oleh pihak dalaman.

### PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

Amalan rasuah yang berleluasa tanpa penguatkuasaan dan tindakkan undang-undang mengakibatkan imej dan reputasi organisasi terjejas teruk dan sehingga rakyat hilang kepercayaan kepada fungsi dan peranan MBSP serta kerajaan.

### TADBIR URUS

Rasuah berlaku kepada setiap peringkat dalam ekosistem, diperingkat tertinggi hingga paling bawah. Tadbir urus MBSP mengalami kemerosotan akibat sikap tidak acuh penjawat awam, campur tangan pihak berkepentingan, perubahan teknologi, keadaan perundangan dan prosedur yang lapuk serta tidak berupaya menangani isi-isu semasa yang berbangkit.



# STRATEGI UTAMA MBSP

Bagi menghadapi senario yang dinyatakan, MBSP telah membentuk empat (4) strategi seperti :

1

**Memperkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam.**

Untuk memperkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan, inisiatif seperti program pembangunan kemahiran pengurusan perolehan, peningkatan pemantauan penjawat awam, urusan tapisan integriti, pemberian pengiktirafan serta penyediaan latihan merupakan pengisian strategi yang dimaksudkan.

2

**Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan perolehan awam.**

Sebagai pengisian kepada strategi ini, inisiatif naziran, pengukuhan saluran aduan serta pematuhan kepada Akta Rahsia Rasmi, di samping program latihan dan pemulihan telah dikenal pasti.

3

**Menginstitusikan kredibiliti penguatkuasaan undang-undang**

Strategi ini memberi penekanan kepada penyediaan dan pengemaskinian prosedur, peraturan serta perundangan yang sedia ada. Ia turut memberi penekanan kepada program pengukuhan integriti, penggunaan teknologi dan pengurusan keselamatan ICT.

4

**Memupuk tadbir urus baik dalam MBSP**

Bagi memupuk tadbir urus baik, pemerkasaan pengurusan yang meliputi pengurusan aduan, pengurusan aset serta pengurusan keselamatan ICT telah dikenalpasti sebagai sebahagian daripada inisiatif yang perlu dilaksanakan. Aktiviti pemantauan melalui pengauditan dan naziran perlu juga dititik beratkan. Manakala dari aspek pengurusan sumber manusia, urusan tapisan pelantikan, urusan latihan, pembangunan profesionalisme berterusan (CPD), aktiviti kaunseling dan proses pusingan kerja yang tidak boleh diabaikan.

# MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH

BAB 3

## Memperkasakan Usaha Pencegahan Rasuah

Pelan ini telah menetapkan empat (4) bidang keutamaan yang menjadi teras utama dalam usaha memerangi rasuah. Bidang keutamaan tersebut adalah **Pentadbiran Sektor Awam, Perolehan Awam, Penguatkuasaan Undang-Undang dan Tadbir Urus.**

Strategi yang telah dikenalpasti melalui empat (4) bidang utama ini adalah Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam, Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Awam, Menginstitusikan Kredibiliti Penguatkuasaan Undang-Undang dan Memupuk Tadbir Urus Baik dalam MBSP.

**Strategi yang digariskan ini menjurus kepada sembilan (9) objektif strategik yang meliputi 46 inisiatif yang akan dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun akan datang.**



# KERANGKA PELAN ANTIRASUAH MBSP 2021-2025

## VISI

Seberang Perai *Resilient*, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi

## MISI

Menjadikan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) Bebas Rasuah

## MATLAMAT

Meningkatkan Kecekapan, Ketelusan & Akauntabiliti

## BIDANG KEUTAMAAN

1. Pentadbiran Sektor Awam
2. Perolehan Awam
3. Penguatkuasaan Undang-Undang
4. Tadbir Urus Terbaik

## STRATEGI

1. Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam
2. Mempertingkatkan Keberkesanan & Ketelusan Perolehan Awam
3. Menginstitusikan Kredibiliti Penguatkuasaan Undang-Undang
4. Memupuk Tadbir Urus Baik Dalam MBSP

# PELAN ANTIRASUAH MBSP 2021-2025

**04** BIDANG KEUTAMAAN

**04** STRATEGI

**09** OBJEKTIF STRATEGIK

**23** RISIKO

**46** INISIATIF

# BIDANG KEUTAMAAN 1 HINGGA 4

# PELAN ANTIRASUAH MBSP 2021-2025



# ANALISIS KUADRAN

Analisis Kuadran di bawah mengambarkan keutamaan bagi 22 inisiatif yang dikenal pasti daripada 46 inisiatif berdasarkan punca rasuah yang ditemui. 22 inisiatif ini ditentukan berdasarkan analisis tahap impak dan tahap kompleksiti pelaksanaannya. 17 inisiatif yang dikenal pasti berada dalam kelompok kuadran A (impak tinggi dan kompleksiti rendah) memerlukan sedikit usaha dalam pelaksanaan sebaliknya mampu memberi kesan besar kepada penambahbaikan tadbir urus MBSP. Selebihnya lima (5) inisiatif keutamaan yang dikenal pasti berada dalam kelompok kuadran B (Impak dan Kompleksiti tinggi) memerlukan usaha yang lebih gigih untuk dicapai. Ringkasan 22 inisiatif berkenaan adalah seperti berikut:

**KUADRAN A**

Kuadran A mewakili inisiatif **BERIMPAK TINGGI KOMPLEKSITI RENDAH**

**KUADRAN B**

Kuadran B mewakili inisiatif **BERIMPAK TINGGI KOMPLEKSITI TINGGI**

**KUADRAN C**

Kuadran C mewakili inisiatif **BERIMPAK RENDAH KOMPLEKSITI RENDAH**

**KUADRAN D**

Kuadran D mewakili inisiatif **BERIMPAK RENDAH KOMPLEKSITI TINGGI**

**STRATEGI 01**

Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam

**STRATEGI 02**

Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Awam

**STRATEGI 03**

Menginstitusikan Kredibiliti Penguatkuasaan Undang-Undang

**STRATEGI 04**

Memupuk Tadbir Urus Baik dalam MBSP




**Kompleksiti** : Kesukaran dan kerumitan dalam pelaksanakan sesuatu inisiatif

**Impak** : Kesan atau hasil positif yang dicapai melalui pelaksanaan sesuatu inisiatif

# KEUTAMAAN STRATEGI

Ringkasan berikut menunjukkan 22 inisiatif yang perlu diberi keutamaan daripada 46 inisiatif yang telah dikenal pasti. Ia berdasarkan empat (4) strategi utama iaitu memperkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan Awam, Mempertingkatkan Keberkesanan Undang – Undang dan Memupuk Tadbir Urus Baik dalam MBSP. 22 inisiatif ini dikenal pasti berdasarkan keperluan kesegeraan untuk menangani rasuah.

| BIL | RUJUKAN INISIATIF | INISIATIF | KUADRAN | STRATEGI |
|---|---|---|---|---|
| 1 | 1.1.1.1 | Taklimat khusus berkenaan perlindungan pemberi maklumat / *Whistleblower Policy* | A | Strategi 1 |
| 2 | 1.1.1.2 | Mengadakan taklimat mengenai Akta SPRM 2009 | A | Strategi 1 |
| 3 | 1.1.2.1 | Mewujudkan inisiatif untuk menggalakkan dan menguruskan nilai baik di tempat kerja berteraskan integriti,akauntabiliti dan kecekapan dalam sektor awam | A | Strategi 1 |
| 4 | 1.1.2.2 | Mengukuhkan mekanisme dalam menguatkuasa pusingan kerja kepada pegawai yang memegang jawatan sensitif | A | Strategi 1 |
| 5 | 1.3.1.1 | Melaksanakan program pembangunan Profesionalisme Berterusan (CPD) yang melibat-kan aspek generik dan fungsional | A | Strategi 1 |
| 6 | 1.3.2.1 | Melaksanakan program kesedaran pengurusan modal insan seperti kursus/ seminar dalam aspek governans, integriti dan antirasuah | A | Strategi 1 |
| 7 | 2.1.1.1 | Mengadakan naziran dalaman bagi mengenalpasti kelemahan dan pelanggaran tatacara kewangan serta perolehan melalui kaedah semakan silang antara jabatan/bahagian | A | Strategi 2 |
| 8 | 2.1.1.2 | Menjadikan kursus kewangan dan perolehan, integriti serta etika kerja sebagai kursus wajib ke atas semua pegawai baru | A | Strategi 2 |
| 9 | 2.1.2.2 | Mengenalpasti pegawai yang berisiko dan melaksanakan program pemulihan/ kaunseling/ pengisytiharan harta lebih kerap | B | Strategi 2 |
| 10 | 2.1.3.1 | Mengadakan program pembangunan kemahiran pengurusan perolehan bagi meningkat-kan kefahaman dan kompetensi pengurusan perolehan dikalangan pegawai | A | Strategi 2 |
| 11 | 2.1.3.2 | Memastikan proses perolehan dipatuhi sepenuhnya berpandukan pekeliling perbendaharaan yang berkuatkuasa | A | Strategi 2 |

| BIL | RUJUKAN INISIATIF | INISIATIF | KUADRAN | STRATEGI |
|---|---|---|---|---|
| 12 | 2.2.1.2 | Kajian pasaran yang lebih meluas dan terperinci | B | Strategi 2 |
| 13 | 2.2.2.1 | Memperkenalkan klausa standard dalam semua perolehan projek yang diterima bagi melindungi kepentingan MBSP | B | Strategi 2 |
| 14 | 3.1.1.2 | Mengukuhkan mekanisme dalam menguatkuasakan penyediaan Laporan siasatan yang berkualiti | B | Strategi 3 |
| 15 | 3.1.2.1 | Mengadakan kursus kesedaran Akta Rahsia Rasmi 1972 | B | Strategi 3 |
| 16 | 3.1.3.1 | Membangunkan pengkalan data berpusat untuk maklumat pendaftaran kertas siasatan dan perkembangan siasatan kes | B | Strategi 3 |
| 17 | 3.2.2.1 | Penambahbaikan Prosedur Operasi Standard (SOP) dalam urusan pemeriksaan berkala ke atas pemeriksaan premis | A | Strategi 3 |
| 18 | 3.2.2.2 | Mengukuhkan mekanisme dalam menguatkuasakan pematuhan ke atas semua Garis Panduan yang diluluskan oleh MBSP | A | Strategi 3 |
| 19 | 4.1.1.3 | Melaksanakan pusingan kerja bagi jawatan sensitif | A | Strategi 4 |
| 20 | 4.1.3.2 | Meneliti dan menambahbaik Prosedur Operasi Standard (SOP) sedia ada melalui sesi libat urus dengan pihak berkaitan | A | Strategi 4 |
| 21 | 4.2.1.1 | Memantapkan pelaksanaan Prosedur Operasi Standard (SOP) dan pemantauan infrastruktur ICT | A | Strategi 4 |
| 22 | 4.2.1.2 | Meningkatkan pemahaman dan penghayatan kepada pegawai bagi memperkukuhkan kepatuhan kepada DKICT | A | Strategi 4 |

# BIDANG KEUTAMAAN: PENTADBIRAN SEKTOR AWAM

## STRATEGI 1

**MEMPERKUKUHKAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM**

### OBJEKTIF STRATEGIK 1.1

Merekayasa Perkhidmatan Awam Ke Arah Tadbir Urus Baik

### OBJEKTIF STRATEGIK 1.2

Menggalakkan Merit dan Integriti Dalam Proses Pengambilan, Pemilihan dan Pelantikan

### OBJEKTIF STRATEGIK 1.3

Menambahbaik Keberkesanan Pendidikan dan Pembangunan Profesionalisme Berterusan Dalam Kalangan Pegawai Dan Kakitangan

## OBJEKTIF STRATEGIK 1.1
### MEREKAYASA PERKHIDMATAN AWAM KE ARAH TADBIR URUS BAIK

| BIL | RISIKO/ POTENSI RISIKO (KELEMAHAN GOVERNANS, INTERGRITI & ANTI RASUAH | | INISIATIF | JABATAN PENERAJU | TEMPOH MASA PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 1.1.1 | Campur tangan pihak yang kepentingan dalam proses membuat keputusan tender / sebutharga | 1.1.1.1 | Taklimat khusus berkenaan Perlindungan Pemberi Maklumat/ *Whistleblower Policy* | Khidmat Pengurusan<br><br>Unit Integriti | Januari 2021 - Disember 2021 |
| | | 1.1.1.2 | Mengadakan taklimat mengenai Akta SPRM 2009 | Khidmat Pengurusan<br><br>Unit Integriti | Januari 2021 - Disember 2021 |
| 1.1.2 | Penyalahgunaan kuasa dalam menjalankan tugas | 1.1.2.1 | Mewujudkan inisiatif untuk menggalakkan dan menguruskan nilai baik di tempat kerja berteraskan integriti, akauntabiliti dan kecekapan dalam sektor awam | Unit Audit Dalaman<br><br>Unit integriti | 2021- 2022 |
| | | 1.1.2.2 | Mengukuhkan mekanisme dalam menguatkuasa pusingan kerja kepada pegawai yang memegang jawatan sensitif | Khidmat Pengurusan | Januari 2021- Disember 2021 |
| 1.1.3 | Kelewatan dalam melaksana-kan tugas dan tindakan yang ditetapkan menyebabkan penyampaian perkhidmatan tidak cekap | 1.1.3.1 | Membangunkan kit pengurusan yang merangkumi aspek peraturan tatatertib, kewangan, sumber manusia dan pengurusan secara am | Khidmat Pengurusan<br><br>Unit Integriti | Januari 2021- Disember 2021 |

## OBJEKTIF STRATEGIK 1.2

### MENGGALAKKAN MERIT DAN INTEGRITI DALAM PROSES PENGAMBILAN, PEMILIHAN DAN PELANTIKAN

| BIL | RISIKO/ POTENSI RISIKO (KELEMAHAN GOVERNANS, INTERGRITI & ANTI RASUAH | INISIATIF | | JABATAN PENERAJU | TEMPOH MASA PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 1.2.1 | Pegawai terdedah kepada sogokan/rasuah | 1.2.1.1 | Memperkukuhkan proses tapisan integriti dalam proses pengambilan kakitangan baru | Khidmat Pengurusan<br><br>Unit Integriti | Januari 2021 - Disember 2021 |
| | | 1.2.1.2 | Menambahbaik proses kenaikan pangkat sedia ada dengan mengambil kira elemen integriti sebagai prasyarat | Khidmat Pengurusan<br><br>Unit Integriti | 2021 - 2022 |
| | | 1.2.1.3 | Pelaksanaan *Integriti Pact* bagi Ahli Jawatankuasa Temuduga | Khidmat Pengurusan<br><br>Unit Integriti | Januari 2021 - Disember 2021 |

## OBJEKTIF STRATEGIK 1.3

### MENAMBAHBAIK KEBERKESANAN PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN PROFESIONALISME BERTERUSAN DALAM KALANGAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN

| BIL | RISIKO/ POTENSI RISIKO (KELEMAHAN GOVERNANS, INTERGRITI & ANTI RASUAH | INISIATIF | | JABATAN PENERAJU | TEMPOH MASA PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 1.3.1 | Ketidakcekapan pegawai menyebabkan tugasan tidak dapat dilaksanakan dengan sebaiknya | 1.3.1.1 | Melaksanakan program pembangunan Profesionalisme Berterusan (CPD) yang melibatkan aspek generik dan fungsional | Khidmat Pengurusan | 2021-2025 |
| | | 1.3.1.2 | Mewujudkan pengiktirafan dan pemberian anugerah kepada pegawai yang menunjukkan peningkatan prestasi | Khidmat Pengurusan | 2021-2025 |
| 1.3.2 | Kurang kefahaman berkenaan rasuah dan integriti | 1.3.2.1 | Melaksanakan program kesedaran pengurusan modal insan seperti kursus/ seminar dalam aspek governans, integriti dan antirasuah | Khidmat Pengurusan | Januari 2021 - Disember 2021 |
| | | 1.3.2.2 | Memberi penekanan terhadap elemen integriti dan nilai insan (tadbir urus insan) dalam Program Transformasi Minda (PTM) dan lain-lain program induksi kakitangan | Khidmat Pengurusan | 2021-2025 |

# BIDANG KEUTAMAAN: PEROLEHAN AWAM

## STRATEGI 2:
## MEMPERTINGKATKAN KEBERKESANAN DAN KETELUSAN PEROLEHAN AWAM

### OBJEKTIF STRATEGIK 2.1

Memperkukuhkan Kerangka Perolehan Awam

### OBJEKTIF STRATEGIK 2.2

Meningkatan Ketelusan Perolehan Awam Pengurangan Risiko Rasuah, Penyelewengan Pasaran dan Anti Persaingan

## OBJEKTIF STRATEGIK 2.1
### MEMPERKUKUHKAN KERANGKA PEROLEHAN AWAM

| BIL | RISIKO/ POTENSI RISIKO (KELEMAHAN GOVERNANS, INTERGRITI & ANTI RASUAH | INISIATIF | | JABATAN PENERAJU | TEMPOH MASA PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 2.1.1 | Salah guna kuasa dan penyelewengan dalam pengurusan perolehan | 2.1.1.1 | Mengadakan naziran dalaman bagi mengenalpasti kelemahan dan pelanggaran tatacara kewangan serta perolehan melalui kaedah semakan silang antara jabatan/ bahagian | Perbendaharaan<br><br>Unit Audit Dalaman<br><br>Khidmat Pengurusan | 2021-2025 |
| | | 2.1.1.2 | Menjadikan kursus kewangan dan perolehan, integriti serta etika kerja sebagai kursus wajib ke atas semua pegawai baru | Khidmat Pengurusan | 2021-2025 |
| 2.1.2 | Kebocoran maklumat tender/ sebutharga | 2.1.2.1 | Memperkukuh pelaksanaan *Intergriti Pact* berkenan pengendalian dan kawalan maklumat rahsia | Khidmat Pengurusan | 2021-2025 |
| | | 2.1.2.2 | Mengenalpasti pegawai yang berisiko dan melaksanakan program pemulihan / kaunseling/ pengisytiharan harta lebih kerap | Khidmat Pengurusan<br><br>Unit Integriti | 2021-2025 |
| 2.1.3 | Pemilihan dan pelantikan pembekal yang tidak kompeten dan tidak memenuhi syarat kelayakan | 2.1.3.1 | Mengadakan program pembangunan kemahiran pengurusan perolehan bagi meningkatkan kefahaman dan kompetensi pengurusan perolehan dikalangan pegawai | Khidmat Pengurusan | 2021-2025 |
| | | 2.1.3.2 | Memastikan proses perolehan dipatuhi sepenuhnya berpandukan pekeliling perbendaharaan yang berkuatkuasa | Unit Audit Dalaman | 2021-2025 |
| 2.1.4 | Pakatan di antara pembekal dengan pegawai dalam urusan perolehan awam | 2.1.4.1 | Membuat pusingan pegawai yang menggangotai jawatankuasa pembuka dan penilaian tender/sebutharga | Khidmat Pengurusan | 2021-2025 |

# BIDANG KEUTAMAAN: PEROLEHAN AWAM

## OBJEKTIF STRATEGIK 2.2
**MENINGKATKAN KETELUSAN PEROLEHAN AWAM PENGURANGAN RISIKO RASUAH, PENYELEWENGAN PASARAN DAN ANTI PERSAINGAN**

| BIL | RISIKO/ POTENSI RISIKO (KELEMAHAN GOVERNANS, INTERGRITI & ANTI RASUAH | INISIATIF | | JABATAN PENERAJU | TEMPOH MASA PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 2.2.1 | Pakatan di antara pembekal yang tidak kompeten dan tidak memenuhi syarat kelayakan | 2.2.1.1 | Memperkenalkan mekanisme yang lebih telus dalam mencegah kebocoran maklumat dalam proses perolehan | Khidmat Pengurusan<br><br>Teknologi Informasi dan Komunikasi | 2021 - 2025 |
| | | 2.2.1.2 | Kajian pasaran yang lebih meluas dan terperinci | Khidmat Pengurusan<br><br>Kejuruteraan | 2021 - 2025 |
| 2.2.2 | Pemilihan dan pelantikan pembekal yang tidak kompeten dan tidak memenuhi syarat kelayakan | 2.2.2.1 | Memperkenalkan klausa standard dalam semua perolehan projek yang diterima bagi melindungi kepentingan MBSP | Undang-Undang | Januari 2021 – Disember 2021 |
| 2.2.3 | Pengurusan aduan dalam pengurus-an perolehan yang tidak cekap | 2.2.3.1 | Memperkenalkan mekanisme saluran aduan berkaitan perolehan untuk pihak yang tidak berpuas hati | Unit Integriti | 2021 - 2022 |

# BIDANG KEUTAMAAN: PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

## STRATEGI 3:

**MENGINSTITUSIKAN KREDIBILITI PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG**

### OBJEKTIF STRATEGIK 3.1

Meningkatkan Kecekapan Dan Pengamalan Professional Dalam Penguatkuasaan Undang-Undang

### OBJEKTIF STRATEGIK 3.2

Memperkukuhkan Penguatkuasaan Undang-Undang

## OBJEKTIF STRATEGIK 3.1

### MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN PENGAMALAN PROFESIONAL DALAM PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

| BIL | RISIKO/ POTENSI RISIKO (KELEMAHAN GOVERNANS, INTERGRITI & ANTI RASUAH | INISIATIF | | JABATAN PENERAJU | TEMPOH MASA PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 3.1.1 | Kelemahan penyediaan kertas siasatan yang menjurus kepada keputusan tidak tepat | 3.1.1.1 | Menganjurkan kursus pengurusan kertas siasatan dalam penyediaan kertas siasatan yang berkualiti | Khidmat Pengurusan | 2021 - 2025 |
| | | 3.1.1.2 | Mengukuhkan mekanisme dalam menguatkuasakan penyediaan Laporan siasatan yang berkualiti | Undang-Undang | 2021 - 2025 |
| 3.1.2 | Berlakunya kebocoran dan kehilangan maklumat kertas siasatan | 3.1.2.1 | Mengadakan kursus kesedaran Akta Rahsia Rasmi 1972 | Khidmat Pengurusan | 2021 - 2022 |
| 3.1.3 | Kelemahan dan kebocoran maklumat siasatan Penguatkuasaan | 3.1.3.1 | Membangunkan pengkalan data berpusat untuk maklumat pendaftaran kertas siasatan dan perkembangan siasatan kes | Undang-Undang | 2021 - 2025 |
| | | 3.1.3.2 | Mewujudkan bahan rujukan sebagai panduan penyelesaian kes | Undang-Undang<br>Direktorat Penguatkuasaan | 2021 - 2025 |
| | | 3.1.3.3 | Mewujudkan penyiasatan secara pasukan bagi meningkatkan kecekapan siasatan | Undang-Undang | 2021 - 2022 |

## OBJEKTIF STRATEGIK 3.2
### MEMPERKUKUHKAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

| BIL | RISIKO/ POTENSI RISIKO (KELEMAHAN GOVERNANS, INTERGRITI & ANTI RASUAH | INISIATIF | | JABATAN PENERAJU | TEMPOH MASA PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 3.2.1 | Penguatkuasaan yang lemah terhadap kesalahan pelanggaran undang-undang | 3.2.1.1 | Mengambil tindakan punitif ke atas pelanggaran undang-undang | Undang-Undang<br><br>Direktorat Penguatkuasaan | 2021-2025 |
| | | 3.2.1.2 | Membangunkan sistem risikan berpusat | *Strategic Surveilance Unit* (SSU) | 2021-2022 |
| | | 3.2.1.3 | Latihan Pemahaman Undang-Undang untuk memeriksa kenderaan sampah dijalanan | Direktorat Penguatkuasaan<br><br>Bahagian Kawalan Keselamatan dan komuniti (BKK)<br><br>Khidmat Pengurusan | 2021-2025 |
| 3.2.2 | Risiko rasuah semasa pemeriksaan berkala bagi premis/ kompleks perniagaan, pemeriksaan kesihatan dan kebersihan premis dan dokumen urusan yang lain | 3.2.2.1 | Penambahbaikan Prosedur Operasi Standard (SOP) dalam urusan pemeriksaan berkala ke atas pemeriksaan premis | Korporat dan Penghubungan Antarabangsa | 2021-2025 |
| | | 3.2.2.2 | Mengukuhkan mekanisme dalam menguatkuasakan pematuhan ke atas semua Garis Panduan yang diluluskan oleh MBSP | Perancang Bandar<br><br>Bangunan | 2021-2025 |
| | | 3.2.2.3 | Membentuk mekanisme yang kukuh dan efektif dalam proses pengeluaran permit dan lesen | Pelesenan | 2021-2025 |

# BIDANG KEUTAMAAN: TADBIR URUS

## STRATEGI 4:

**MEMUPUK TADBIR URUS BAIK DALAM MBSP**

### OBJEKTIF STRATEGIK 4.1

Memastikan Pengamalan Ketelusan Dalam MBSP

### OBJEKTIF STRATEGIK 4.2

Memastikan Daya Tahan Terhadap Ancaman Rasuah Di MBSP

## OBJEKTIF STRATEGIK 4.1
## MEMASTIKAN PENGAMALAN KETELUSAN DALAM MBSP

| BIL | RISIKO/ POTENSI RISIKO (KELEMAHAN GOVERNANS, INTERGRITI & ANTI RASUAH | INISIATIF | | JABATAN PENERAJU | TEMPOH MASA PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 4.1.1 | Penyalahgunaan kuasa dalam menjalankan tugas-tugas memproses permohonan lesen / penguatkuasaan di MBSP | 4.1.1.1 | Mengadakan bengkel pemantapan pengetahuan peraturan serta akta bagi Pegawai Baharu / Pegawai Siasatan | Khidmat Pengurusan | 2021-2025 |
| | | 4.1.1.2 | Mengemaskini dan memastikan Prosedur Operasi Standard (SOP) sedia ada di patuhi | Korporat dan Penghubungan Antarabangsa | 2021-2025 |
| | | 4.1.1.3 | Melaksanakan pusingan kerja bagi jawatan sensitif | Khidmat Pengurusan | 2021-2025 |
| 4.1.2 | Tadbir urus kewangan yang tidak teratur penyalahgunaan kuasa dalam menjalankan tugas-tugas berkaitan pengurusan kewangan di MBSP | 4.1.2.1 | Menambahbaik dan mengemaskini Prosedur Operasi Standard (SOP) dan garis panduan berkaitan pengurusan kewangan dan perolehan | Khidmat Pengurusan<br><br>Perbendaharaan | 2021-2025 |
| 4.1.3 | Penyalahgunaan kuasa dalam menjalankan tugas-tugas pemantauan projek pembangun-an di MBSP | 4.1.3.1 | Memperkasakan pemantauan projek pembangunan oleh pihak pengurusan dengan meningkatkan lawatan tapak dan mengadakan sesi *engagement* dengan pihak berkaitan serta mesyuarat intervensi | Kejuruteraan | 2021-2025 |
| | | 4.1.3.2 | Meneliti dan menambahbaik Prosedur Operasi Standard (SOP) sedia ada melalui sesi libat urus dengan pihak berkaitan | Korporat dan Penghubungan Antarabangsa | 2021-2025 |

| BIL | RISIKO/ POTENSI RISIKO (KELEMAHAN GOVERNANS, INTERGRITI & ANTI RASUAH | INISIATIF | | JABATAN PENERAJU | TEMPOH MASA PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 4.1.3.3 | Mengenalpasti pegawai yang bermasalah dan melaksanakan program kaunseling | Khidmat Pengurusan | 2021-2025 |
| 4.1.4 | Kelemahan pengurusan aset alih MBSP | 4.1.4.1 | Mengadakan kursus pengurusan aset dan taklimat pemeriksaan aset kepada pegawai pemeriksa berkaitan aset alih | Khidmat Pengurusan | 2021-2025 |

## OBJEKTIF STRATEGIK 4.2
**MEMASTIKAN DAYA TAHAN TERHADAP ANCAMAN RASUAH DI MBSP**

| BIL | RISIKO/ POTENSI RISIKO (KELEMAHAN GOVERNANS, INTERGRITI & ANTI RASUAH | INISIATIF | | JABATAN PENERAJU | TEMPOH MASA PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 4.2.1 | Kebocoran maklumat / data dokumen terperingkat | 4.2.1.1 | Memantapkan pelaksanaan Prosedur Operasi Standard (SOP) dan pemantauan infrastruktur ICT | Teknologi Informasi dan Komunikasi | 2021 - 2025 |
| | | 4.2.1.2 | Meningkatkan pemahaman dan penghayatan kepada pegawai bagi memperkukuhkan kepatuhan kepada DKICT | Teknologi Informasi dan Komunikasi | 2021 - 2025 |
| | | 4.2.1.3 | Mengadakan Kursus Keselamatan Dokumen Kerajaan dan melaksanakan inspektorat sekali setahun | Khidmat Pengurusan | 2021 - 2025 |

# TADBIR URUS

# BAB 4

Penerangan berkenaan aspek pemantauan dan penilaian pelaksanaan Pelan Antirasuah MBSP. Tujuan memantau kemajuan pelaksanaan yang dilakukan oleh setiap jabatan dan unit yang bernaung di bawah MBSP agar selari dengan kerangka yang disediakan di peringkat MBSP. Ia juga merupakan langkah untuk mengenalpasti cabaran-cabaran dalam pelaksanaan inisiatif agar dapat diselaraskan dengan lebih berkesan.



# PRINSIP PENGURUSAN ANTIRASUAH MBSP

## PRINSIP I: KOMITMENT PENGURUSAN TERTINGGI

Pengurusan tertinggi adalah bertanggungjawab dalam memastikan MBSP mengamalkan integriti dan etika di tahap yang tertinggi dan mematuhi sepenuhnya keperluan undang-undang dan peraturan berkaitan antirasuah yang telah berkuatkuasa serta menguruskan risiko rasuah secara berkesan.

Pihak pengurusan tertinggi perlu memberi jaminan kepada pemegang taruh bahawa operasi MBSP adalah mematuhi dasar-dasar dalaman dan keperluan yang digariskan dalam peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan dan mewujudkan teladan yang baik seperti menyatakan pendirian MBSP berhubung larangan salahlaku dalam sebarang aktiviti dan akan menerajui usaha jabatan untuk meningkatkan kecekapan rangka kerja pengurusan risiko rasuah, sistem kawalan dalaman, penilaian dan pemantauan serta latihan dan komunikasi.

Bagi tujuan tersebut, MBSP akan melakukan perkara-perkara seperti berikut: -

1. Mewujudkan, memastikan kesinambungan dan membuat penilaian secara berkala ke atas program pematuhan berhubung antirasuah termasuklah objektif dan dasar yang mencukupi bagi menangani risiko rasuah
2. Mempromosi budaya integriti
3. Mengeluarkan arahan supaya polisi dan komitmen jabatan berhubung antirasuah dan seterusnya diwar-warkan kepada pihak dalaman dan luaran
4. Melantik seorang pegawai untuk bertanggungjawab melaksanakan tugas berkaitan pematuhan undang-undang atau peraturan berkaitan antirasuah; dan
5. Memastikan hasil bagi laporan audit, penilaian risiko, langkah kawalan dan prestasinya dilaporkan kepada pengurusan tertinggi

## PRINSIP II: PENILAIAN RISIKO RASUAH

Penilaian risiko rasuah dijadikan asas kepada usaha antirasuah di jabatan. Sehubungan itu, MBSP akan melaksanakan penilaian risiko rasuah secara berkala dan apabila terdapat perubahan dalam undang-undang atau keadaan melalui pengenalpastian risiko, analisis, penilaian dan memberi keutamaan kepada risiko rasuah dalaman dan luaran di jabatan. Hasil penilaian risiko ini akan dijadikan asas untuk mewujudkan proses, sistem dan kawalan yang diluluskan oleh pengurusan tertinggi untuk mengurangkan risiko terdedah kepada unsur rasuah.

## PRINSIP III: PELAKSANAAN LANGKAH KAWALAN DALAMAN

MBSP akan mewujudkan langkah kawalan yang munasabah dan bersesuaian bagi menangani sebarang risiko rasuah yang berbangkit daripada kelemahan dalam rangka kerja tadbir urus, proses dan prosedur.

## PRINSIP IV: PEMANTAUAN, PENILAIAN DAN PENGUATKUASAAN SECARA SISTEMATIK

Pengurusan Tertinggi akan memastikan penilaian secara berkala bagi menilai prestasi, kecekapan dan keberkesanan program antirasuah dan memastikan program tersebut dilaksanakan. Penilaian tersebut boleh dijalankan melalui audit dalaman atau audit oleh pihak luar. Hasil penilaian boleh dijadikan asas untuk memantapkan usaha-usaha kawalan antirasuah sedia ada di MBSP.

## PRINSIP V: LATIHAN DAN KOMUNIKASI

MBSP akan membangunkan dan menghebahkan maklumat berhubung sistem pengurusan antirasuah melalui latihan dan komunikasi dalaman dan luaran yang bersesuaian dengan operasi meliputi perkara-perkara berikut:-



# MEKANISME PENYELARASAN & PEMANTAUAN

**PEMANTAUAN OLEH PENERAJU/ PELAKSANAAN INISIATIF**

Peneraju / Pelaksana perlu melaksanakan pemantauan:

1. Membuat perbandingan keputusan sebenar dengan sasaran (melalui pengumpulan data yang kerap);
2. Membincangkan segala kekangan atau cabaran dalam pelaksanaan inisiatif di dalam Mesyuarat Pengurusan bahagian atau unit; dan
3. Menyediakan pelaporan kepada Unit Integriti pada setiap suku tahun

**JAWATANKUASA ANTIRASUAH (JAR) MBSP**

↑

**URUS SETIA UNIT INTEGRITI**

↑

**JABATAN PENERAJU**

**PENYELARASAN**

Menasihati dan mengenalpasti penyelesaian terbaik untuk Pelan Antirasuah MBSP

Melaporkan status pelaksanaan Pelan Antirasuah MBSP setiap suku tahun kepada pengurusan tertinggi MBSP melalui Mesyuarat JAR MBSP

Mengemukakan laporan setiap suku tahun kepada Unit Integriti

# MEKANISME PENYELARASAN, PEMANTAUAN & PENILAIAN

## PENYELARASAN

### PEMANTAUAN

- Menjelaskan objektif program
- Memadankan aktiviti dan sumber dengan objektif
- Menterjemahkan objektif ke dalam indikator prestasi dan sasaran
- Membandingkan keputusan sebenar dengan sasaran (melalui pengumpulan data yang kerap)
- Melaporkan kemajuan kepada pemegang taruh berkaitan dan memaklumkan tentang sebarang permasalahan

### PENILAIAN

- Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan setiap aktiviti
- Menilai sama ada aktiviti yang menyokong strategi tersebut berorientasikan matlamat yang hendak dicapai
- Memastikan bahawa aktiviti dilaksanakan sebagaimana yang dirancang
- Memberikan maklumbalas yang bersesuaian berdasarkan situasi apabila diperlukan
- Menanda aras aktiviti dan amalan terbaik

# KESIMPULAN

Kerajaan dalam usaha pemantapan governans, Integriti dan antirasuah dalam Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan telah merangka satu pelan khusus iaitu Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 bagi menangani permasalahan rasuah, integriti dan tadbir urus negara ini.

Bagi memperlihatkan komitmen MBSP dalam menyokong usaha kerajaan ini, MBSP telah membangunkan Pelan Antirasuah MBSP bagi tempoh lima (5) tahun iaitu 2021-2025. Pelan Antirasuah MBSP ini telah menggariskan 46 inisiatif yang akan dilaksanakan oleh MBSP sebagai mekanisme pengurusan pemantapan governans, integriti dan antirasuah MBSP.

Pelan ini juga menjelaskan mekanisme penyelarasan dan pemantauan bagi memastikan inisiatif-inisiatif Pelan Antirasuah MBSP dilaksanakan seperti yang ditetapkan dan pelan ini akan sentiasa dikaji dan dikemaskini mengikut perubahan semasa.

Pelan Antirasuah MBSP ini berfungsi sebagai panduan dan rujukan kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha memantapkan governans, integriti dan antirasuah MBSP selaras dengan visi Pelan Antirasuah MBSP iaitu **SEBERANG PERAI RESILIENT, INKLUSIF, HIJAU, KOMPETITIF DAN BANDAR PINTAR DIPACU OLEH TEKNOLOGI** dan misi Pelan Antirasuah MBSP iaitu **MENJADIKAN MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP) BEBAS RASUAH**.



# PENGHARGAAN

## Ucapan Terima Kasih Yang Tidak Terhingga Kepada

**YBhg. Dato' Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud**
Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Puan Ir Hajah Rosnani binti Haji Mahmod**
Setiausaha Bandaraya Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Puan Rosnada binti Hassan**
Pengarah Undang-Undang

**Puan Siti Haslinda binti Hasan**
Pengarah Khidmat Pengurusan

**Encik Shahrulnizad bin Abdul Razak**
Pengarah Perbendaharaan

**Encik Mat Nasir bin Hassan**
Pengarah Penilaian & Pengurusan Harta

**Puan Norliza binti Abdullah**
Pengarah Perancang Bandar

**Cik Noorhanis binti Nordin**
Pengarah Bangunan

**Tn. Hj. Baderul Amin bin Abdul Hamid**
Pengarah Kejuruteraan

**Encik Ahmad Zabri bin Mohamed Sarajudin**
Pemangku Pengarah Perkhidmatan Perbandaran

**Encik Mohd Ibrahim bin Md. Nor**
Pengarah Perkhidmatan Kesihatan

**Encik Nazri bin Abdul Wahab**
Direktorat Penguatkuasaan

# PENGHARGAAN

**Puan Norhayati binti Sulaiman**
Pengarah Kemasyarakatan

**Encik Mohd Faidrol bin Mohd Radzi**
Pengarah Pelesenan

**Encik Wan Junaidy bin Yahaya**
Pengarah Korporat dan Perhubungan Antarabangsa

**Puan Sazila binti Muhamad**
Pengarah Pesuruhjaya Bangunan

**Encik Abdul Fikri Ridzauudin bin Abdullah**
Pengarah Teknologi Informasi dan Komunikasi

**Lar. Shaqrony bin Md. Yusoff @ Jamaludin**
Pengarah Landskap

**Tpr. Mohd Ridzal bin Abdul**
Pengarah Pelancongan Seni dan Warisan

**Encik Mohammad Aidil bin Samsuri**
Ketua Jabatan Pengurusan Krisis

**ASP. Amirul Ariff bin Abdul Rahman**
Ketua Bahagian Keselamatan dan Komuniti

**Puan Nur Vanida Alisha binti Sinnappan**
Ketua Unit OSC

**Puan Asma binti Othman**
Ketua Unit Audit Dalam

**Cik Normaira binti Abdul Rahman**
Ketua Unit Butterworth Baharu

# JAWATANKUASA PEMBANGUNAN OACP

**Encik Mohd Hairol bin Man**
Ketua Unit Integriti

**Encik Sharul Nizam bin Shazalee**
Penolong Pengarah (Perkhidmatan)

**Puan Rasidah binti Hashim**
Penolong Pegawai Tadbir

**Puan Rafiza binti Abdul Rahim**
Pembantu Tadbir Kanan

**Encik Jamaludin bin Mat**
Jabatan Undang- Undang

**Puan Nor Azimah binti Ismail**
Jabatan Khidmatan Pengurusan

**Puan Siva Shankhiri a/p Munusamy**
Jabatan Kejuruteraan

**Puan Wan Rosmawati binti Wan Mamat**
Jabatan Perancang Bandar

**Puan Rohani binti Lebai Hasan**
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan

**Cik Nor Hayati binti Salleh**
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

**Puan Aida binti Ishak**
Jabatan Perbendaharaan

**Puan Mahanom binti Ahmad**
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran

**Puan Zuraida binti Md Isa**
Jabatan Pelesenan

**Cik Azliza binti Ishak**
Direktorat Penguatkuasaan

**Encik Muhamad Zulikqram bin Zulkifli**
Jabatan Kemasyarakatan

**Puan Nor Farah Azira binti Meor Zambri**
Jabatan Bangunan

**Puan Mazlina binti Abu Hassan**
Bahagian Keselamatan dan Komuniti

**Puan Siti Juhairah binti Muhamad**
Unit Audit Dalam

**Puan Norsuhaibah binti Hanbal**
Unit Butterworth Baharu

**Puan Hasnah binti Shaari**
Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa

**Puan Norzehan binti Mohd Idris**
Jabatan Teknologi Informasi dan Komunikasi

**Puan Nurul Nadia binti Mohd Idris**
Jabatan Pesuruhjaya Bangunan

**Encik Hasmidi bin Ismail**
Jabatan Landskap

**Encik Sofian bin Shari**
Jabatan Pengurusan Krisis

**Puan Siti Hajar binti Omar**
Jabatan Pelancongan, Seni dan Warisan

# PELAN ANTIRASUAH

MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

Menara Bandaraya
Jalan Perda Utama, Bandar Perda,
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang

04 - 549 7555

04 - 538 9700

www.mbsp.gov.my